

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

DATE: 8/12/2009

Dr M anggap kritikan bekas peserta BTN berniat buruk

BH-8/12/09

CYBERJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan kritikan bekas peserta kursus Biro Tata Negara (BTN) yang dilaporkan media hanyalah niat buruk bagi memperbesar-besarkan isu yang tidak benar.

Katanya, sejak dianjurkan lebih 20 tahun lalu, tidak ada pihak yang pernah membuat aduan mengenai kurikulum kursus itu, sebaliknya semua mengakui ia mampu menepatkan nilai murni dalam diri peserta.

"Ketika zaman saya, peser-

ta BTN menganggap ia amat berguna kerana ia mendedahkan diri mereka dengan nilai dan budaya baru kerana nilai dan budaya sedia ada (waktu itu) tidak kondusif jika ingin berkhidmat dengan kerajaan.

"Jadi, saya tidak nampak

salahnya kursus BTN ini, jadi apa yang dikritik hanyalah cubaan untuk memperbesar-besarkan perkara yang tidak benar," katanya kepada media selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pembiayaan antara RHB Islamic Bank dan Joyful

Gateway Sdn Bhd di sini, semalam.

Mengulas lanjut mengenai perbezaan kaum di negara ini yang dibincangkan dalam BTN, Dr Mahathir berkata, perkara itu adalah sebahagian daripada sejarah negara.